



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 66
No. 13

20hb Jun 2013

TAMBAHAN
No. 1

AKTA EKSAIS 1976
(Akta 176)

No. 1083.

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977
[P.U. (A) 155/1977]

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH JERANTUT

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Jerantut akan diadakan pada 26 Jun 2013 jam 10.00 pagi di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Jerantut.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi Penggal Kedua Tahun 2013 hendaklah dibuat di dalam borang yang telah ditetapkan (dalam 4 salinan) dan dihantar kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais Jerantut, d/a Pejabat Daerah Jerantut dan mesti sampai sebelum atau pada 19 Jun 2013.
3. Permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon sendiri iaitu:
 - (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
 - (b) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah Jerantut.

Bertarikh 21 Mei 2013

RIDZUAN BIN MOHAMAD
Setiausaha
Lembaga Pelesenan Eksais Daerah
Jerantut

No. 1084.PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977
[P.U. (A) 155/1977]

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH MARAN

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Maran bagi minuman yang memabukkan akan diadakan di Pejabat Daerah Maran pada 26 Jun 2013 jam 9.30 pagi.

2. Semua permohonan untuk lesen atau pertukaran lesen-lesen bagi setengah tahun Kedua 2013 akan dipertimbangkan.

3. Tiap-tiap permohonan mestilah dihantar sebanyak empat (4) salinan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais, d/a Pejabat Daerah Maran sekurang-kurangnya enam (6) minggu sebelum mesyuarat diadakan. Salinan-salinan permohonan untuk lesen baru mestilah ditampal di bangunan perniagaan yang bakal berniaga minuman dalam tempoh sekurang-kurangnya enam (6) minggu sebelum mesyuarat diadakan.

Bertarikh 23 Mei 2013

DATO' HAJI FADZILLA BIN HAJI SALLEH
Pengerusi
Lembaga Pelesenan Eksais Daerah
Maran

No. 1085.

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

PEMBETULAN/CORRIGENDUM

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 866 yang disiarkan pada 9 Mei 2013, gantikan perkataan "RM55,000" kepada perkataan "RM74,000" dan gantikan perkataan "RM5,500" kepada perkataan "RM7,400".

[PTK. 4/5/1/5515(f)]

No. 1086.

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

(Seksyen 4)

NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut:

PBT bagi Projek menggantikan Jambatan Sg. Padah FT009/11/90, Jalan Karak–Simpang Pelangai, Mukim Pelangai, Daerah Bentong, Pahang.

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki ke mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujuk kepada Pentadbir Tanah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) Negeri Pahang, Bangunan JKPTG, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang.

JADUAL

Daerah—Bentong.

- a. Tujuan Pengambilan: PBT bagi Projek menggantikan Jambatan Sg. Padah FT009/11/90, Jalan Karak–Simpang Pelangai, Mukim Pelangai, Daerah Bentong, Pahang.
- b. Butiran Tanah—

Bil.	Daerah/Jajahan	Mukim	No. Lot/P.T.
1.	Bentong	Pelangai	717
2.	Bentong	Pelangai	1005

[JKPTG./Phg./UPT/693/01/2013/02]

YH. DATO' AZIZAN BIN AHMAD
*Pengarah Tanah dan Galian Negeri
 Pahang*

No. 1087.

PEMBERITAHU LEWAT

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977

[P.U. (A) 155/1977]

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH KUANTAN

1. Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Kuantan akan diadakan pada 28 Jun 2013 (Jumaat) di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan, Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang jam 3.00 petang.
2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi tempoh mulai dari 1 Julai 2013 hingga 31 Disember 2013 hendaklah dibuat di dalam borang "Eksais 27" yang telah ditetapkan (dalam lima salinan) dan dihantar kepada Pengerusi, Lembaga Pelesenan Eksais Kuantan di alamat Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan dan mesti sampai sebelum 30 hari dari tarikh mesyuarat diadakan.
3. Permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon-pemohon sendiri iaitu:
 - (i) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya 30 hari sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
 - (ii) dengan mengiklan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah di hantar ke Pejabat Daerah Kuantan

Bertarikh 3 Jun 2013
[PDT.Ktn.M-07]

DATO' NORHAYAD BINTI AHMAD
Pegawai Daerah Kuantan
Pengerusi
Lembaga Pelesenan Eksais Daerah
Kuantan

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA